

Kakitangan awam perlu fahami 'dasar meritokrasi'

BH 13 AUG 2001

Oleh

Sariha Mohd Ali

KUANTAN, Ahad Kerajaan disarankan memberi penerangan sejelas-jelasnya berhubung dasar meritokrasi bagi kemasukan pelajar Melayu ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA) kepada 800,000 kakitangannya supaya mereka memahami isu itu dan tidak terkeliru dakwaan pembangkang.

Berikutan itu, Ketua Penerangan Umno, Datuk Mustapa Mohamed, yang akan mengadakan pertemuan dengan Ketua Setiausaha Negara, Datuk Samsudin & man, dalam tempoh dua atau tiga hari lagi, akan mengemukakan pandangan berhubung perkara itu untuk diteliti.

Beliau berkata, sebagai pemimpin masyarakat, kakitangan kerajaan khususnya guru dan pensyarah universiti, wajar didedahkan dengan fakta sebenar berhubung isu meritokrasi supaya mereka memahaminya dan kemudian menyebarkan kepada penduduk kampung.

Katanya, ada 13,000 pensyarah IPTA dan 275,000 guru di seluruh negara dan kumpulan ini perlu diberi keutamaan dan perhatian serius untuk memahami dasar meritokrasi kerana mereka adalah pemimpin yang boleh membentuk pemikiran masyarakat.

Mustapa berkata, setakat ini, belum ada garis panduan jelas berhubung pelaksanaan meritokrasi tetapi ia tetap dilaksanakan kerana dasar itu boleh menguntungkan orang Melayu untuk jangka panjang.

"Kita sudah memberi penjelasan bahawa sistem kuota kemasukan ke IPTA tetap dikekalkan kerana ia terkandung dalam perlembagaan membabitkan kedudukan ia

Pendedahan fakta sebenar berhubung isu meritokrasi penting supaya mereka faham sebelum menyebarkan kepada penduduk kampung

Islam Malaysia (Yadim) dan Jabatan Hal Ehwal Khas (JHEK), Kementerian Penerangan itu dihadiri, Ketua Menteri Melaka, Datuk Wira Mohd Ali Rustam yang juga ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno, Ketua Pengarah Yadim, Datuk Nakhaie Ahmad dan Ketua Pengarah JHEK, Datuk Zainal Abidin Ab Kadir.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sebelum ini berkata, dasar meritokrasi akan dilaksanakan secara berperingkat tanpa menjejaskan sistem kuota yang ada sekarang.

Perdana Menteri berkata, ia akan dibuat mengikut jurusan dan keperluan seawal-awalnya tahun depan supaya pelajar memberi tumpuan kepada pelajaran dan mencapai kelulusan cemerlang.

Mustapa yang juga Pengarah Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) berkata, sebarang tindakan yang bakal diambil kerajaan tidak akan mengetepikan kepentingan pelajar Melayu.

Berikutan itu, beliau berkata, pelajar dan ibu bapa tidak harus bimbang pelaksanaan meritokrasi kerana butiran terperinci belum dikeluarkan lagi.

"Sebenarnya kita perlu sedikit masa kerana ini adalah isu baru. Kita sedang menyusun sesi taklimat bagi menerangkan isu itu dan jika ada peluang, saya sendiri akan menerangkannya," katanya.

timewa orang Melayu.

"Keputusan juga sudah dibuat iaitu meritokrasi tetap dilaksanakan kerana jangka panjang, ia menguntungkan orang Melayu tetapi dasar terperinci sedang dihalusi Kementerian Pendidikan dan kemudian dibentangkan dalam mesyuarat Pengurusan Umno dan kerajaan.

"Biro Penerangan Umno yang bermesyuarat semalam, memutuskan supaya isu meritokrasi itu diberi penerangan sejelas-jelasnya kepada 800,000 kakitangan kerajaan, khususnya guru dan pensyarah universiti," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Program Gerak Bersepadu Menjana Pemurnian Perjuangan Melayu di sini, hari ini. "Program anjuran Biro Penerangan Umno dengan kerjasama Biro Agama Umno, Yayasan Dakwah